

23 AUG 1998

32 NGO NEGERI SEMBILAN NYATAKAN SOKONGAN PADA DR MAHATHIR

SEREMBAN, 23 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 32 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di negeri ini semalam menyatakan sokongan terhadap usaha-usaha kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Perkara itu termasuk dalam beberapa ketetapan yang dicapai pada perjumpaan NGO berkenaan yang diadakan di Dewan Datuk Haji Shahardin, Bangunan Kelab Melayu Negeri Sembilan (KMNS), di sini, semalam.

Antara ketetapan lain ialah menyokong penuh tindakan yang diambil oleh kerajaan Malaysia terhadap isu pemindahan Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin Malaysia di Tanjung Pagar ke Woodland, Singapura.

Setiausaha Kehormat KMNS Hanapi Daing Dalisang yang bertindak sebagai jurucakap perjumpaan itu berkata, mesyuarat itu turut mengambil keputusan akan bekerjasama bagi menjayakan Kuala Lumpur '98 Sukan Komanwel ke-16 bulan depan dan bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam menjayakan Tahun Melawat Negeri Sembilan pada tahun depan.

Memorandum mengenai ketetapan itu kemudian diserahkan kepada anggota exco Datuk Shamsul Bahari Mat.

-- BERNAMA

RP RHM